

07/10/1997

Mahathir jamin masalah dapat diatasi

SUBANG, Isnin - Kerajaan memberi jaminan masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang dapat diatasi walaupun tanpa bantuan negara kaya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam apa juga keadaan, kerajaan akan berusaha memulihkan keadaan ekonomi tanpa bantuan sesiapa. Rakyat perlu bersabar menghadapi isu itu selepas mengharungi zaman selesa.

"Dalam apa juga keadaan kita akan cuba pulihkan keadaan ekonomi. Jangan harapkan bantuan terutama dari negara kaya kerana mereka hanya menyatakan sokongan terhadap perniagaan mata wang.

"Bagi mengatasinya, kita tidak perlu ikut cara mereka kerana yang akan menjadi mangsa adalah kita. Kita akan memulihkan keadaan ekonomi kerana keadaan ini pernah dilalui dahulu.

"Cara dan kaedah akan dirumuskan untuk menangani kelemahan semasa dalam ekonomi," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan rasmi ke Amerika Latin dan Caribbean di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, petang ini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai usaha kerajaan menangani serangan spekulator dan langkah pemulihan bagi menghadapi keadaan itu.

Tanpa menjelaskan langkah yang akan diambil kerajaan bagi mengatasi masalah itu, Dr Mahathir berkata, ada unsur asing yang ingin menghancurkan ekonomi Malaysia serta rantau Asean.

Menurutnya, masalah ekonomi yang dihadapi sekarang bukan berpunca daripada ketidakmantapan fundamental atau asas ekonomi negara seperti digembar-gemburkan oleh orang asing.

Yang peliknya, kata Perdana Menteri, asas ekonomi Malaysia adalah baik termasuk kadar inflasi yang rendah, tetapi mata wangnya dihentam sebegitu teruk, sedangkan mata wang negara lain, yang fundamentalnya lemah dengan kadar inflasi melebihi seribu peratus, tidak susut nilai sama sekali.

Perdana Menteri turut menafikan bahawa kenyataan konsistennya yang membidas manipulator mata wang menyebabkan ringgit terus susut nilai. Negara-negara lain yang pemimpinnya berdiam diri, juga mengalami susut nilai mata wangnya, malahan lebih teruk lagi.

"Nilai ringgit hanya turun dua peratus, manakala negara lain turun sehingga sembilan peratus. Keadaan ini terjadi adakah salah saya juga. Kalau marah sangat, bagilah nilai mata wang ringgit saja turun.

"Tetapi kenapa ringgit turun sedikit saja," katanya sambil merujuk satu artikel dalam media Barat yang disifatkan karut kerana menyatakan apabila beliau meninggalkan Malaysia, ringgit akan kukuh.

Menurut Dr Mahathir, orang asing cemburu melihat pertumbuhan ekonomi Asean yang begitu dinamik dan kerana itu, kini gembira melihat ekonomi rantau ini menghadapi krisis.

"Apa yang telah dilakukan Indonesia kepada mereka? Bagaimana pula dengan Filipina, sebuah ekonomi muda dan sedang berkembang?" katanya sambil menambah tiada alasan bagi ekonomi berkenaan diserang sedangkan negara lain berada dalam situasi lebih buruk lagi.

Perdana Menteri juga menyifatkan lawatannya ke Cuba, Chile, Argentina dan Uruguay berjaya dan menarik kerana negara terbabit mempunyai pendekatan ekonomi dan corak politik yang berlainan.

"Tetapi kalau cakap (berjaya) pun orang tidak percaya. Apapun bagi saya lawatan saya itu mencapai matlamat," katanya.

(END)